

A Re Halimah bt Daud (the applicant; in the matter of application for faraid certificate to determine the beneficiaries and their entitlement)

B SHARIAH SUBORDINATE COURT (BESUT) — APPLICATION NO 11001–040–0548 OF 2013
MOHD NAZRI YUSOF SHSUB J
23 SEPTEMBER 2013

C

Islamic Law — Shariah Court — Jurisdiction — Faraid (inheritance) — Whether within jurisdiction of Shariah Subordinate Court — Syariah Court (Terengganu) Enactment 2001 ss 4, 11 (3)(b)(viii), (ix) & 15 — Federal Constitution arts 74(2), 121(1A) & Ninth Schedule List Two

E *Islamic Law — Succession — Faraid (inheritance) — Conditions of inheritance — Whether established — Heirs surviving at the time of death — Parents, five brothers and sisters — Rights to shares — Shares allotted — Mode of calculation*

F The application was to determine the beneficiaries of deceased's property and further, the apportionment for each of them. In this application, the applicant applied to the court to determine the beneficiaries of the deceased, Mohd Faiz bin Izuddinbin Ruslam, the son of the applicant, who died on 9 August 2013 at Besut Hospital, Terengganu due to a road accident at Kg Keruak, Terengganu. The deceased had left behind his father, mother, three brothers and two sisters of the same parents who are still alive. The deceased, during his life time was not married and had no children. Based on the testimony of the deceased's parents, the deceased, had never performed *hajj* (pilgrimage). The property left by the deceased was the insurance money from the deceased's workplace, a sum of RM32,400. The issues were as follows: (i) who among the deceased's heirs are entitled to the deceased's property; (ii) the amount or share for each heir; and (iii) the mode of computation to resolve the said apportionment.

Held:

- I** (1) The court was satisfied that the deceased's heirs namely, the deceased's father and mother, was not disputed because their rights to inheritance of the deceased's property was by reason of their blood/family ties to the deceased (see para 39).
- (2) The deceased father was entitled to the residuary of the assets of the deceased because the deceased did not have descendants. The mother

of the deceased took a portion of the first provisions in the heredity inheritance ie, entitled to 1/6 because the deceased left more than one relative, either a brother of the same parents, same father or same mother or a mixture of them (see paras 40 & 42).

- (3) The origin of the problem in this case was six, where the mother entitled to 1/6 as *fardh* as the deceased had five siblings of the same parents. The father entitled to 5/6 shares by way of *asabah* as the deceased did not leave any children or grandchildren (see para 46).

[Bahasa Malaysia summary]

Permohonan ini adalah untuk menentukan orang-orang yang berhak ke atas pusaka peninggalan si mati dan juga menentukan berapakah kadar bahagian yang diterima oleh setiap orang yang berhak ke atas pusaka si mati. Di dalam permohonan ini, pemohon telah memohon kepada mahkamah untuk menentukan orang-orang yang berhak mendapatkan bahagian ke atas harta pusaka si mati iaitu anak lelakinya Mohd Faiz Izuddin bin Ruslam, si mati, yang telah meninggal dunia pada 9 Ogos 2013 di Hospital Besut, Terengganu akibat kemalangan jalan raya di Kg Keruak, Terengganu. Semasa si mati meninggal dunia, beliau mempunyai seorang bapa kandung, seorang ibu kandung, tiga orang saudara lelaki seibu sebapa dan dua orang saudara perempuan seibu sebapa yang masih hidup sehingga sekarang. Si mati pada masa hayatnya tidak pernah berkahwin dan tidak mempunyai anak. Menurut keterangan bapa dan ibu si mati, semasa hayatnya si mati tidak sempat menuaikan fardu haji dan harta pusaka yg di tinggalkan oleh si mati adalah berkenaan dengan wang insurans di tempat kerja si mati yang berjumlah lebih kurang RM32,400. Isu-isu yang timbul adalah seperti berikut: (i) siapakah dalam kalangan ahli-ahli waris si mati yang berhak ke atas pusaka peninggalan si mati; (ii) berapakah bahagian atau kadar yang diperolehi oleh setiap ahli waris yang berhak tersebut; dan (iii) cara pengiraan bagi penyelesaian pembahagian tersebut.

Diputuskan:

- (1) Mahkamah berpuas hati bahawa kewujudan dan perwarisan ahli-ahli waris kepada si mati iaitu bapa dan ibu si mati tidak dipertikaikan kerana sabit hak pewarisan pusaka mereka itu terhadap harta si mati berdasarkan sebab kerabat/kekeluargaan (lihat perenggan 36).
- (2) Bapa kepada si mati mengambil ketetapan bahagian baki dari harta peninggalan si mati kerana si mati tidak meninggalkan keturunan ke bawah. Ibu si mati mengambil ketetapan bahagian yang pertama dalam perwarisan pusaka iaitu mendapat 1/6 kerana si mati meninggalkan lebih daripada seorang saudara, sama ada saudara seibu sebapa, sebapa atau seibu atau campuran saudara-saudara tersebut (lihat perenggan 40 & 42).

- A** (3) Asal masalah dalam kes ini adalah enam, di mana ibu mendapat *fardh* 1/6 kerana si mati masih mempunyai lima orang saudara seibu sebapa. Manakala bapa mendapat 5/6 bahagian secara asabah kerana si mati tidak meninggalkan keturunan ke bawah sama ada lelaki atau perempuan, iaitu si mati tidak meninggalkan anak, cucu dan seterusnya (lihat perenggan 46).]

Notes

For cases on jurisdiction, see 8(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2013 Reissue) paras 787–795.

- C** **Legislation referred to**

Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 ss 4(1), (2), 11(3)(b)(viii), (ix), 12(2)(b), 15

Federal Constitution arts 74(2), 121(1A), Ninth Schedule, List II

- D** **Quranic verses referred to**

Surah *al-Nisa'* (4): 11, 12, 176

Books referred to

- E** *Al-Fiqhul Manhaji*, Dr Mustaffa al-Khan, Dr Mustafa al-Bugha dan Ali al-Syarbaji, Vol 2, (6th Ed), 1426H/2005, Darul Qalam publication, Damsyek, Syria, p 267

Al-Mawarith fi al-Syariat al-Islamiyyah fi Dhau'ie al-Kitaab wa al-Sunnah p 36, oleh Muhammad 'Ali al-Sabuni

- F** *Al-Rahbiyyah* by Imam Abu Abd Allah Muhammad bin Ali bin Muhammad bin Husayn al-Rahabi

As Syarhul al Kabir, Syeikh al Dardir, Vol 4 p 406

G **Mohd Nazri Yusof ShSub J:**

H [1] Atas permohonan pemohon, permohonan ini dipanggil untuk sebutan di dalam kamar hakim Mahkamah Rendah Syariah daerah Besut dengan kehadiran pemohon, seorang ahli waris dan seorang saksi. Setelah mendengar keterangan yang diberikan oleh pemohon, seorang ahli waris si mati dan seorang saksi berserta afidavit pemohon, maka pada hari ini yang arif hakim telah membuat penghakiman seperti berikut:

- I** [2] Permohonan ini adalah untuk menentukan orang-orang yang berhak ke atas pusaka peninggalan si mati dan juga menentukan berapakah kadar bahagian yang diterima oleh setiap orang yang berhak ke atas pusaka si mati. Di dalam permohonan ini, pemohon Halimah bt Daud (KP: 720216-11-5428) telah memohon kepada mahkamah untuk menentukan orang-orang yang berhak mendapatkan bahagian ke atas harta pusaka si mati iaitu anak lelakinya

Mohd Faiz Izuddin bin Ruslam (KP: 930704-11-5449) yang telah meninggal dunia pada 9 Ogos 2013 di Hospital Besut, Terengganu akibat kemalangan jalan raya di Kg Keruak, Terengganu. Pemohon semasa Permohonan ini dibuat mempunyai alamat penyampaian di No 24, PPRT Kg Belahoh, Keruak, 22010 Jertih, Terengganu.

A. BIDANG KUASA MAHKAMAH

[3] Mengikut undang-undang, bidang kuasa mengenai pengesahan atau penentuan orang-orang yang berhak kepada bahagian harta pusaka seseorang si mati yang beragama Islam adalah diberi kepada Mahkamah Tinggi Syariah sebagai bidang kuasa asal dan juga kepada Mahkamah Rendah Syariah. Di bawah s 11 (3)(b)(viii) dan (ix) Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 memperuntukkan:

Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah —

- (a) ...
- (b) (b) dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding jika semua pihak dalam tindakan atau prosiding itu adalah orang Islam dan tindakan atau prosiding itu adalah berhubungan dengan —
 - (i) ...
 - (ii) ...
 - (iii) ...
 - (iv) ...
 - (v) ...
 - (vi) ...
 - (vii) ...
- (viii) pembahagian atau pewarisan harta berwasiat atau tak berwasiat;
- (ix) penentuan orang-orang yang berhak kepada bahagian harta

- A** pusaka seseorang si mati yang beragama Islam atau bahagian-bahagian yang kepadanya masing-masing itu berhak;
- (x) ...
- B**
- (xi) ...; dan
- (xii) ...
- C**
- [4] Seksyen 15 Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 pula memperuntukkan:
- D** Jika dalam perjalanan mana-mana prosiding yang berhubung dengan pentadbiran atau pembahagian harta pusaka seseorang si mati yang beragama Islam, mana-mana Mahkamah atau pihak berkuasa, selain Mahkamah Tinggi Syariah atau suatu Mahkamah Rendah Syariah, mempunyai kewajipan untuk menentukan —
- E**
- (a) orang-orang yang berhak mendapat bahagian dalam harta pusaka itu; atau
- (b) bahagian-bahagian yang kepadanya masing-masing orang itu berhak;
- F** Mahkamah Syariah boleh, atas permohonan mana-mana orang yang menuntut bahawa dia menjadi benefisiari atau wakilnya, dan setelah dibayar olehnya fi yang ditetapkan, memperakarkan fakta-fakta yang didapati oleh Mahkamah Syariah itu dan pendapat Mahkamah Syariah itu tentang orang-orang yang berhak atau bahagian-bahagian itu.
- G**
- [5] Perkataan ‘Mahkamah Syariah’ dalam peruntukan di atas, mengikut undang-undang, sebagai mana yang diperuntukkan di dalam seksyen tafsiran Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001, ertinya, Mahkamah Tinggi Syariah atau Mahkamah Rendah Syariah, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang ditubuhkan di bawah sub-s 4(1) atau 4(2).
- [6] Subseksyen 12(2)(b) Enakmen yang sama, juga memperuntukkan:
- I** Mahkamah Rendah Syariah hendaklah —
- dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding yang Mahkamah Tinggi Syariah diberi kuasa untuk mendengar dan memutuskannya, jika amauan atau nilai hal perkara yang dipertikaikan itu tidak

melebihi seratus ribu ringgit atau tidak dapat dianggarkan dengan wang (tidak termasuk tuntutan hadhanah atau harta sepencarian).

A

[7] Fasal (2) kepada perkara 74 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan:

B

Without prejudice to any power to make laws conferred on it by any other Article, the Legislature of a State may make laws with respect to any of the matters enumerated in the State List (that is to say, the Second List set out in the Ninth Schedule) or the Concurrent List.

C

[8] Senarai Kedua dalam Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan, antaranya memperuntukkan:

D

1 Except with respect to the Federal Territories of Kuala Lumpur, Labuan and Putrajaya, Islamic law and personal and family law of persons professing the religion of Islam, including the Islamic law relating to succession, testate and intestate, ...

E

[9] Perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan pula memperuntukkan:

The courts referred to in Clause (1) shall have no jurisdiction in respect of any matter within the jurisdiction of the Syariah courts.

F

[10] Dari sudut hukum syarak, ilmu *faraidh*, iaitu ilmu berkaitan kaedah kira-kira yang membolehkan kita mengetahui bahagian pusaka setiap pewaris. Dalam Kitab *as Syarhul al Kabir* karangan Syeikh al Dardir pada Jilid 4 di ms 406 mentakrifkan *faraid* sebagai:

G

Yang bererti: Satu ilmu yang menerangkan siapakah yang mewarisi dan siapakah yang tidak mewarisi dan kadar bahagian bagi setiap ahli waris.

F

[11] Dalam Kitab *al-Fiqhul Manhaji*, karangan Dr Mustaffa al-Khan, Dr Mustafa al-Bugha dan Ali al-Syarbaji, Jilid 2, (Cetakan Keenam), 1426H/2005, Percetakan Darul Qalam, Damsyek, Syria, pada ms 267, dierangkan juga sebagai:

H

Yang bererti:

I

Ilmu *faraidh* dari segi syaraknya bermaksud hukum pewarisan, iaitu pengetahuan yang mendalam mengenai pusaka dan ilmu kira-kira yang membolehkan kita mengetahui siapakah yang berhak menerima bahagian daripada pusaka si mati dan banyak mana bahagian yang berhak diterimanya.

- A** [12] Mengikut hukum syarak, *faraid* bermula dari wahyu yang diturunkan oleh Allah SWT dalam al-Quran, surah *al-Nisa'* ayat 11, 12 dan 176:

Ayat 11 surah *al-Nisa'*:

Yang bermaksud:

- B** Allah perintahkan kamu mengenai (pembagian harta pusaka untuk) anak-anak kamu, iaitu bahagian seorang anak lelaki menyamai bahagian dua orang anak perempuan. Tetapi jika anak-anak perempuan itu lebih dari dua, maka bahagian mereka ialah dua per tiga dari harta yang ditinggalkan oleh si mati. Dan jika anak perempuan itu seorang sahaja, maka bahagiannya ialah seperdua (sepahruh) harta itu. Dan bagi ibu bapa (si mati), tiap-tiap seorang dari keduanya; seperenam dari harta yang ditinggalkan oleh si mati, jika si mati itu mempunyai anak. Tetapi jika si mati tidak mempunyai anak, sedang yang mewarisinya hanyalah kedua ibu bapanya, maka bahagian ibunya ialah sepertiga. Kalau pula si mati itu mempunyai beberapa orang saudara (adik-beradik), maka bahagian ibunya ialah seperenam. (Pembagian itu) ialah sesudah diselesaikan wasiat yang telah diwasiatkan oleh si mati, dan sesudah dibayarkan hutangnya. Ibu bapa kamu dan anak-anak kamu, kamu tidak mengetahui siapa di antara mereka yang lebih dekat serta banyak manfaatnya kepada kamu. (Pembagian harta dan penentuan bahagian masing-masing seperti yang diterangkan itu ialah) ketetapan dari Allah; sesungguhnya Allah adalah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.
- E**

- [13] Dalam ayat 12 surah *al-Nisa'*, Allah SWT berfirman:

Yang bermaksud:

- F** Dan bagi kamu seperdua dari harta yang ditinggalkan oleh isteri-isteri kamu jika mereka tidak mempunyai anak. Tetapi jika mereka mempunyai anak maka kamu kamu beroleh seperempat dari harta yang mereka tinggalkan, sesudah ditunaikan wasiat yang mereka wasiatkan dan sesudah dibayarkan hutangnya. Dan bagi mereka (isteri-isteri) pula seperempat dari harta yang kamu tinggalkan, jika kamu tidak mempunyai anak. Tetapi kalau kamu mempunyai anak maka bahagian mereka (isteri-isteri kamu) ialah seperlapangan dari harta yang kamu tinggalkan, sesudah ditunaikan wasiat yang kamu wasiatkan, dan sesudah dibayarkan hutang kamu. Dan jika si mati yang diwarisi itu, lelaki atau perempuan, yang tidak meninggalkan anak atau bapa, dan ada meninggalkan seorang saudara lelaki (seibu) atau saudara perempuan (seibu), maka bagi tiap-tiap seorang dari keduanya ialah seperenam. Kalau pula mereka (saudara-saudara yang seibu itu) lebih dari seorang, maka mereka bersekutu pada sepertiga (dengan mendapat sama banyak lelaki dengan perempuan), sesudah ditunaikan wasiat yang diwasiatkan (oleh si mati), dan sesudah dibayarkan hutangnya: wasiat-wasiat yang tersebut hendaknya tidak mendatangkan mudarat (kepada waris-waris). (Tiap-tiap satu hukum itu) ialah ketetapan dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Penyabar.
- H**
- I**

- [14] Dalam ayat 176, surah *al-Nisa'*, Allah SWT berfirman:

Yang bermaksud:

Mereka (orang-orang Islam umatmu) meminta fatwa kepadamu (wahai Muhammad, mengenai masalah Kalalah). Katakanlah: 'Allah memberi fatwa kepada kamu dalam perkara Kalalah itu, iaitu jika seseorang itu mati yang tidak mempunyai anak dan ia mempunyai seorang saudara perempuan, maka bagi saudara perempuan itu seperdua dari harta yang ditinggalkan oleh si mati; dan ia pula (saudara lelaki itu) mewarisi (semua harta) saudara perempuannya, jika saudara perempuannya tidak mempunyai anak. Kalau pula (saudara perempuannya itu) dua orang, maka keduanya mendapat dua pertiga dari harta yang ditinggalkan (oleh si mati). Dan sekiranya mereka (saudara-saudaranya itu) ramai, lelaki dan perempuan, maka bahagian seorang lelaki menyamai bahagian dua orang perempuan'. Allah menerangkan (hukum ini) kepada kamu supaya kamu tidak sesat. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.

A

B

C

D

E

F

G

H

I

[15] Mengikut peruntukan hukum syarak dan undang-undang di atas, saya berpuas hati bahawa Mahkamah Rendah Syariah Daerah Besut mempunyai bidang kuasa dari segi hukum syarak dan undang-undang untuk mendengar dan memutuskan permohonan yang berada di hadapan saya ini.

B. FAKTA KES

[16] Si mati yang bernama Mohd Faiz Izuddin bin Ruslam (KP: 930704-11-5449) adalah anak lelaki kandung kepada pemohon iaitu Halimah bt Daud (KP: 720216-11-5428). Si mati telah disahkan meninggal dunia pada jam 9.53 malam, 9 Ogos 2013 di Hospital Besut, Terengganu akibat mengalami *severe head injury with multiple polytrauma* berpunca daripada kemalangan jalan raya yang dialami oleh si mati di Kg Keruak, Terengganu.

[17] Kematian si mati telah dilaporkan dan didaftarkan di Jabatan Pendaftaran Negara di Daerah Besut Terengganu dan satu sijil kematian si mati No Daftar E 016006 telah dikeluaran oleh JPN Daerah Besut Terengganu sebagai perakuan kematian si mati. (Satu salinan sijil kematian si mati No Daftar E 016006 dikemukakan kepada mahkamah). Si mati ketika meninggal dunia berumur 20 tahun.

[18] Semasa si mati meninggal dunia, beliau mempunyai seorang bapa kandung, seorang ibu kandung, tiga orang saudara lelaki seibu sebaa dan dua orang saudara perempuan seibu sebaa.

[19] Keterangan bapa, ibu, tiga orang saudara lelaki seibu sebaa dan dua orang saudara perempuan seibu sebaa adalah seperti berikut:

- (a) Nama bapa si mati: Ruslam bin Hitam (KP: 690130-11-5385)
- (b) Nama ibu si mati: Halimah bt Daud (KP: 720216-11-5428)

- A** (c) Nama lima saudara seibu seberapa si mati:
(i) Mohd Farid bin Ruslam (KP: 870820-46-5057)
(ii) Mohd Fadli bin Ruslam (KP: 890209-11-5181)
- B** (iii) Faizawati bt Ruslam (KP: 910115-11-5178)
(iv) Muhammad Faizul Irhan bin Ruslam (KP: 951112-13-6387)
(v) Fatin Najwa bt Ruslam (KP: 041712-11-0424)
- C** (Kesemua sesalinan dokumen bapa, ibu, tiga saudara lelaki seibu seberapa dan dua saudara perempuan seibu seberapa si mati dikemukakan kepada mahkamah).
Si mati pada masa hayatnya tidak pernah berkahwin dan tidak mempunyai anak. Bapa kandung dan Ibu kandung si mati serta lima orang saudara seibu seberapa si mati masih hidup sehingga sekarang.
- D** [20] Menurut keterangan bapa dan ibu si mati, semasa hayatnya si mati tidak sempat menunaikan fardu haji dan harta pusaka yg di tinggalkan oleh si mati adalah berkenaan dengan wang insuran di tempat kerja si mati di Muda Pasifik Sdn Bhd yang beralamat di 9, Jalan Persiaran Teknologi, Taman Teknologi Johor, 81400 Senai, Johor Darul Takzim, yang berjumlah lebih kurang RM32,400.

F C. ISU UTAMA/ ISU PERUNDANGAN

- (a) Adakah kematian pewaris benar-benar berlaku?
(b) Siapakah di kalangan ahli-ahli waris si mati yang berhak ke atas pusaka peninggalan si mati?
(c) Berapakah bahagian atau kadar yang diperolehi oleh setiap ahli waris yang berhak tersebut?
(d) Cara pengiraan bagi penyelesaian pembahagian tersebut?

H

D. ALASAN PENGHAKIMAN

- I** [21] Dalam kes ini, sijil faraid bagi harta pusaka seseorang si mati hanya boleh dikeluarkan selepas penentuan mereka yang berhak kepada bahagian harta pusaka si mati dan kadar bahagian masing-masing yang diterima telah diselesaikan secara terperinci mengikut hukum syarak. Untuk menentukan siapakah di kalangan ahli-ahli waris si mati yang berhak ke atas pusaka dan kadar bahagian masing-masing mengikut hukum syarak, mahkamah perlu

meneliti dan menghalusi setiap rukun pusaka yang ada. Adakah sesuatu isu atau fakta yang dikemukakan itu memenuhi kehendak setiap rukun dan syarat pusaka ataupun sebaliknya.

[22] Di dalam Kitab *al-Mawarith fi al-Islam* ms 36, oleh Muhammad 'Ali al-Sabuni, ada disebut:

Maksudnya:

Rukun-rukun pusaka ada tiga iaitu:

- (a) Pewaris: Si mati yang mempunyai hak memberi waris kepada sesiapa sahaja ahli waris yang ditinggalkan setelah kematianya.
- (b) Penerima Waris: Orang atau ahli waris yang membuat hak milik harta waris dengan sebab-sebab yang dijelaskan seperti hubungan nasab, hubungan pernikahan dan sebagainya.
- (c) Harta Waris: Apa sahaja yang ditinggalkan oleh si mati sama ada berupa wang, barang, tanah, dan lain-lainnya.

[23] Seterusnya, syarat-syarat pusaka juga ada tiga iaitu:

Maksudnya:

Pertama: Adanya kematian dari pewaris sama ada secara hakiki atau secara hukum.

Kedua: Pengetahuan dan penelitian yang tepat terhadap hidup atau tidaknya ahli waris pada masa pewaris meninggal dunia.

Ketiga: Adanya ilmu pengetahuan tentang ahli-ahli waris.

E. Isu pertama yang menjadi soal

[24] *Pewaris atau si mati* — Syarat kepada rukun pertama ini ialah adanya kematian dari pewaris sama ada kematian itu secara hakiki atau secara hukum, iaitu ketetapan hukum qadhi akan kematian pewaris (si mati) dengan tanda-tanda atau bukti-bukti tertentu.

[25] Ini kerana, seseorang individu selama mana dia masih hidup dan masih mampu berbuat sesuatu terhadap harta miliknya dan hak miliknya masih tetap wujud dan tidak lenyap daripadanya. Dengan demikian, tidak seorang pun yang dapat mengganggu hak miliknya atau melakukan sesuatu apapun

A

B

C

D

E

F

G

H

I

- A terhadap harta miliknya tanpa seizin dia, tapi apabila orang itu telah meninggal dunia, secara automatik dia tidak akan mampu lagi melakukan sesuatu atau berbuat sesuatu dengan hak miliknya iaitu hartanya. Maka, secara automatik pula harta tersebut akan berpindah kepada para ahli warisnya.
- B [26] Dalam kes ini, kematian pewaris/si mati yang bernama Mohd Faiz Izuddin bin Ruslam pada jam 9.53 malam 9 Ogos 2013 di Hospital Besut, Kelantan akibat mengalami *severe head injury with multiple polytrauma* berpunca daripada kemalangan jalan raya yang dialami oleh si mati di Kg Keruak, Terengganu, telah dinyatakan oleh pemohon iaitu ibu si mati melalui keterangannya dan juga disokong oleh keterangan bapa si mati dan seorang saksi yang mana kesemua mereka menyatakan secara *iqrar* bahawa mengetahui dan melihat sendiri dengan jelas dan pasti bahawa pewaris tersebut telah meninggal dunia dan juga menghadiri proses pengebumian si mati.
- C [27] Fakta kematian pewaris/si mati juga diperkuatkan lagi dengan dokumen sijil kematian si mati yang telah disahkan dan didaftarkan oleh JPN Daerah Setiu Terengganu No E 016006 yang mana dokumen tersebut telah mengesahkan secara terperinci tentang butiran kematian si mati/pewaris dan dokumen itu juga merupakan dokumen awam yang tidak perlu disahkan tentang penerimaannya.
- F [28] Oleh itu, mahkamah berpuas hati dan berpendapat bahawa kematian pewaris tersebut sebagaimana butiran dalam sijil kematian yang dikemukakan dan *menjawab isu pertama* yang menjadi soal di dalam permohonan ini. Seterusnya apabila wujud dan sabit kematian, maka timbul penentuan pada ahli-ahli waris yang berhak ke atas harta pusaka peninggalan si mati.

F. Isu kedua yang menjadi soal

- G [29] *Penerima pusaka atau ahli waris* iaitu orang-orang yang mendapat hak milik harta si mati dengan sebab-sebab yang tertentu adalah rukun pusaka yang kedua. Syarat kepada rukun kedua ini ialah wujud pengetahuan yang tepat terhadap hidup atau tidak ahli-ahli waris pada masa pewaris meninggal dunia. Dengan kata lain, harus yakin bahawa ahli-ahli warisnya masih hidup pada waktu pewaris/si mati itu meninggal dunia.
- I [30] Syarat seterusnya bagi rukun kedua ini ialah adanya ilmu atau pengetahuan yang dengannya dia mengetahui tentang ahli-ahli waris baik dari garis *qarabah*/hubungan keluarga dekat dan dari garis ahli waris yang yang mempunyai syarat untuk mewarisi. Ini kerana, dalam pembahagian pusaka hendaklah diketahui terlebih dahulu garis-garis yang akan mendapatkan pusaka seperti adanya ikatan perkahwinan, hubungan nasab hingga seseorang yang mempunyai ilmu mampu dan dapat dengan tepat membahagikan harta

pusaka tersebut kerana hukum-hukum akan berbeza sesuai dengan perbezaan-perbezaan garis ahli waris dan darjah hubungan *qarabah* antara satu sama lain.

[31] Ini kerana ahli-ahli waris akan mendapat harta pusaka setelah kematian pewaris dan hak milik akan berpindah dari si mati kepada ahli-ahli waris dengan cara pembahagian warisan. Maka, sudah tentu ahli-ahli waris itu masih hidup pada saat si mati meninggal dunia sebagai tanda bukti kelayakannya kerana seseorang yang sudah mati tidak berhak mendapatkan warisan atau untuk memiliki hak pusaka dengan cara apa pun tetapi dia akan mewariskan pula harta-hartanya kepada ahli-ahli warisnya. Untuk mengetahui siapakah ahli-ahli waris si mati pula, menurut Muhammad 'Ali al-Sabuni, ada tiga sebab seseorang akan mendapatkan hak mempusakai iaitu:

Maksudnya:

- (i) Hubungan Keluarga yang sebenar/dekat (hubungan nasab): iaitu dua orang tua (ayah dan ibu), anak-anak, saudara-saudara, bapa saudara dan yang lainnya ... Dan dapat kita simpulkan sebagai berikut: dua orang tua (ayah dan ibu), anak-anak dan siapa sahaja yang mempunyai hubungan nasab dengan si mati.
- (ii) Nikah: iaitu akad yang sah antara dua pasangan (suami isteri), walaupun belum terjadi hubungan badan, khulwah (canda mesra). Adapun nikah yang *fasid* (tidak sah) atau nikah yang *batil* tidak boleh saling mewarisi.
- (iii) *Al-wala'* (perwalian) iaitu: Hubungan keluarga secara hukum dan disebut juga *Wala' al-'itqi* (terhadap hamba sahaya lelaki) dan *wala al-ni'mah* (terhadap hamba sahaya perempuan) di mana penyebabnya adalah adanya pembebasan seorang tuan terhadap hambanya, maka apabila seorang tuan membebaskan hambanya atau mamluknya (hamba hasil perang) maka akan memiliki hubungan tertentu yang disebut hubungan '*Wala' al-'itqu'*. Dengan sebab itu, dia mendapat hak waris kerana telah memberi nikmat (pembebasan) pada hambanya dan dengan itu pula hambanya membala tuannya atas kebebasan yang telah diberikannya dan kembalinya rasa kemanusiaan dirinya setelah dia merasakan penuh keterasingan dankekangan, maka syarak memberinya hadiah dengan hak waris hambanya kepada tuannya ketika dia meninggal, dengan syarat hambanya tadi tidak mempunyai ahli waris asli, baik dengan sebab hubungan nasab (keluarga) atau dengan tali pernikahan.

A

B

C

D

E

F

G

H

I

- A** [32] Berkata Imam Abu Abd Allah Muhammad bin Ali bin Muhammad bin Husayn al-Rahabi yang terkenal dengan ibn Muwaffiq al-Din dalam matannya yang bernama *al-Rahbiyyah*:

Maksudnya:

- B** Sebab mewarisi pusaka pada manusia ada tiga, semua yang ada sebab ini akan mewarisi pusaka iaitu pernikahan, wala', keturunan, tiada yang lain selain sebab ini.

- C** [33] Ahli-ahli waris yang berhak mempusakai seseorang si mati/pewaris telah dihimpunkan oleh pengarang *Manzumah al-Rahbiyyah* dengan matannya:

Matan di atas membawa maksud:

Ada sepuluh ahli waris lelaki

- D** Nama-nama mereka ma'ruf dan dikenal

Anak, cucu dan setelahnya

Bapa datuknya dan ke atasnya

- E** Saudara dari mana aslinya

Nama-namanya telah disebut di Quran

Bapa saudara dan anaknya yang sebapa

Bersyukurlah dengan ringkas dan tanbih

- F** Suami, hamba sahaya perwalian

Itulah jumlah kesemua ahli waris lelaki

Yang disebutkan di atas adalah ahli waris dari kalangan lelaki dan ianya dikumpulkan sebagaimana berikut:

- G** Ahli Waris Dari Pihak Lelaki:

(a) Anak

- H** (b) Anak lelaki kepada anak lelaki

(c) Bapa

- I** (d) Bapa kepada bapa ke atas

(e) Adik-beradik lelaki seibu sebapa

(f) Adik-beradik lelaki sebapa

- | | |
|---|---|
| (g) Adik-beradik lelaki seibu | A |
| (h) Anak lelaki kepada adik-beradik lelaki seibu sebapa | |
| (i) Anak lelaki kepada adik-beradik lelaki sebapa | B |
| (j) Bapa saudara sebelah bapa seibu sebapa | |
| (k) Bapa saudara sebelah bapa sebapa | C |
| (l) Anak lelaki kepada bapa saudara sebelah bapa seibu sebapa | |
| (m) Anak lelaki kepada bapa saudara sebelah bapa sebapa | D |
| (n) Suami | |
| (o) Orang yang memerdekaan hamba | E |

[34] Ahli waris perempuan telah disebutkan pada *matan al-Rabbiyah* dalam *nizam* susunan berikut ini:

Matan di atas membawa maksud:

- | | |
|--|---|
| Tujuh ahli waris dari perempuan | F |
| Selain mereka tidak lagi dalam syariah | |
| Anak, cucu, ibu kandung | |
| Isteri, nenek dan setelahnya | G |
| Saudari dari mana sahaja aslinya | |
| Inilah penjelasan jumlah mereka | |

Yang disebutkan di atas adalah ahli waris dari kalangan perempuan dan ianya dikumpulkan sebagaimana berikut:

Ahli Waris Dari Perempuan:

- | | |
|--|---|
| (a) Anak Perempuan | I |
| (b) Ibu | |
| (c) Anak perempuan kepada anak lelaki ke bawah | |

- A** (d) Nenek dari ibu ke atas
(e) Nenek dari bapa ke atas
- B** (f) Adik-beradik perempuan seibu sebapa
(g) Adik-beradik perempuan sebapa
- C** (h) Adik-beradik perempuan seibu
(i) Isteri
- D** (j) Wanita yang memerdekaan hamba
- [35] Seterusnya tidak semua ahli waris sama darjatnya — berbeza dari satu kepada yang lain. Berikut susunan darjat ahli-ahli waris sesuai mengikut matannya.
- E** (i) *Pertama: Ashabul Furud* — Pusaka diberikan kepada mereka yang kadar jumlah bahagiaannya untuk mereka yang telah ditetapkan di dalam al-Kitab (al-Quran) atau Sunnah atau *ijma' ulama'*. Maka, dimulailah pertama kali dengan pembahagian mereka.
- F** (ii) *Kedua: Ashabul Asabah* (*Ashab* kerana nasab). Setelah diberikan warisan pusaka kepada *Ashabul Furud*, kedua-duanya yang telah ditentukan tadi, maka giliran kedua kepada *Ashabul al-Nasabiyah* iaitu keluarga dekat yang mengambil dari baki pusaka dan boleh juga mengambil kesemua pusaka ketika dia sendirian sahaja seperti seorang anak lelaki sahaja.
- G** (iii) *Ketiga: Al-Asib al-Sahabi* iaitu tuan yang memerdekaan hamba sama ada tuan itu lelaki ataupun perempuan (sudah tidak ada pada zaman ini).
- H** (iv) *Keempat: Baitul Mal* — apabila tidak ada satu ahli waris pun baik secara susunan atau darjat pembahagian yang telah disebutkan tadi, maka pusaka peninggalan diberikan kepada Baitul Mal untuk kemaslahatan orang-orang Muslim.
- I** [36] Berdasarkan kepada autoriti di atas tersebut, mahkamah berpuas hati melalui keterangan dan dokumen-dokumen yang dikemukakan (salinan-salinan kad pengenalan kesemua ahli waris) bahawa si mati pada masa kematiannya meninggalkan ahli-ahli waris seperti berikut yang hidup semasa

kematian si mati dan juga semasa permohonan ini didengar iaitu:

A

- (a) Bapa, dan;
- (b) Ibu.

[37] Di dalam kes ini juga, mengikut keterangan pemohon dan saksi, Si mati mempunyai lima orang adik beradik iaitu tiga saudara lelaki seibu seba dan dua saudara perempuan seibu seba. Kenyataan mereka dijelaskan dalam afidavit permohonan, walau bagaimanapun kedudukan mereka dalam pusaka terhalang dengan adanya bapa si mati. Ini berdasarkan *al-Mawarith fi al-Syariat al-Islamiyyah fi Dhau'ie al-Kitaab wa al-Sunnah* ms 36, oleh Muhammad 'Ali al-Sabuni, di dalam *Bab al-Hajbu* ada disebut:

B

Maksudnya:

Ahli waris yang terhijab *Hijab Hirman* dari golongan lelaki, mereka adalah:

D

Pertama: ...

Kedua: (Saudara lelaki kandung): terhijab oleh bapa, dan oleh *far'u* ahli waris lelaki (anak lelaki, cucu lelaki dari anak lelaki) meskipun jauh menurunnya.

C

Ahli waris yang terhijab *Hijab Hirman* dari golongan perempuan, mereka adalah:

E

Pertama: ...

Kedua: ...

Ketiga: (Saudara perempuan kandung): terhijab oleh bapa, dan oleh *far'u* ahli waris lelaki (anak lelaki, cucu lelaki dari anak lelaki) meskipun jauh menurunnya.

F

[38] Jadi, jelas bahawa tiga saudara lelaki seibu seba si mati dan dua saudara perempuan seibu seba si mati terhalang dengan adanya bapa si mati sebagai *hajbu hirman* iaitu terhijabnya seseorang ahli waris dalam memperoleh seluruh bahagian pusaka kerana wujudnya ahli waris lain yang lebih kuat.

G

[39] Oleh itu mahkamah juga berpuas hati bahawa kewujudan dan perwarisan ahli-ahli waris kepada si mati iaitu bapa dan ibu si mati tidak dipertikaikan kerana sabit hak perwarisan pusaka mereka itu terhadap harta si mati berdasarkan sebab kerabat/kekeluargaan dan menjawab isu kedua yang menjadi soal dalam permohonan ini.

H

G. Isu ketiga yang menjadi soal

I

[40] Keterangan secara lengkap bagi bahagian ahli-ahli waris tersebut seperti berikut:

- (a) Bapa mendapat asabah dengan diri sendiri (*Asabah Bi al Nafsi*) kerana

- A** si mati tidak meninggalkan keturunan ke bawah sama ada lelaki atau perempuan, iaitu si mati tidak meninggalkan anak, cucu dan seterusnya.
- (i) Faraid bapa adalah seperti mana juga dengan faraid ibu ianya telah ditetapkan di dalam al-Quran, ayat 11 surah *al-Nisa'* yang bermaksud:
- ... dan untuk dua orang ibu bapa, bagi tiap-tiap seorang mereka adalah 1/6 dari harta yang ditinggalkan jika ada baginya anak. Tetapi jika tidak mempunyai anak dan ia diwarisi oleh ibu bapanya (sahaja) maka ibunya mendapat 1/3.
- (ii) Oleh itu berdasarkan ayat tersebut maka faraid bapa ditetapkan seperti berikut:
- D** (A) *Pertama*, bapa mendapat faraid sebanyak 1/6 jika ada bersamanya anak lelaki atau anak lelaki kepada anak lelaki (sejauh-jauhnya) iaitu sama ada seorang atau lebih dan sama ada di samping mereka itu terdapat juga ahli-ahli waris lainnya atau tidak.
- E** (B) *Kedua*, bapa akan mengambil baki harta dalam sifatnya sebagai waris *'asabah*, jika tidak ada bersamanya anak lelaki atau anak kepada anak lelaki (sejauh-jauhnya) iaitu *sama ada anak-anak itu lelaki atau perempuan*.
- F** (C) *Ketiga*, bapa akan mengambil faraid sebanyak 1/6 dan baki harta jika ada bersamanya anak perempuan atau anak perempuan kepada anak lelaki (sejauh-jauhnya) sedangkan masih terdapat baki harta setelah dibahagikan kepada *ashab al-furud*.
- G** Oleh itu, bapa kepada si mati yang bernama Ruslam bin Hitam, KP: 690130-11-5385 mengambil ketetapan bahagian baki dari harta peninggalan si mati kerana si mati tidak meninggalkan keturunan ke bawah.
- H** (b) Ibu mendapat 1/6 kerana si mati meninggalkan lebih daripada seorang saudara, sama ada saudara seibu seba, seba atau seibu atau campuran saudara-saudara tersebut. Sama ada saudara tersebut mewarisi pusaka atau tidak.
- I** (a) Faraid ibu telah ditetapkan dalam al-Quran seperti mana juga dengan faraid bapa dalam ayat 11, surah *al-Nisa'* sebagaimana di atas.
- (b) Oleh itu, faraid ibu ada tiga keadaan sama ada:
- (i) Pertama, ibu akan mendapat sebanyak 1/6 bahagian

dengan dua syarat iaitu, sekiranya si mati meninggalkan keturunan ke bawah iaitu anak, cucu dan seterusnya sama ada lelaki atau perempuan, seorang atau lebih *dan* sekirannya si mati meninggalkan lebih daripada seorang saudara, sama ada saudara seibu seberapa, seberapa atau seibu atau campuran saudara-saudara tersebut. Sama ada saudara tersebut mewarisi pusaka atau tidak.

Dalilnya ialah firman Allah:

Dan bagi ibu bapa (si mati), tiap-tiap seorang dari keduanya: seperenam dari harta yang ditinggalkan oleh si mati, jika si mati itu mempunyai anak (*al-Nisa'*(4): 11).

Kalau si mati itu mempunyai beberapa orang adik beradik, maka bahagian ibunya seperenam (*al-Nisa'*(4): 11).

- (ii) Kedua, ibu mendapat sebanyak $1/3$ bahagian jika si mati tidak meninggalkan keturunan ke bawah dan tidak meninggalkan lebih daripada seorang saudara sama ada saudara seibu seberapa, seberapa atau seibu.

Dalilnya ialah firman Allah:

Tetapi jika tidak mempunyai anak dan ia diwarisi oleh ibu bapanya (sahaja) maka ibunya mendapat $1/3$ '. (*Al-Nisa'* (4):11)

- (iii) Ketiga, ibu mendapat $1/3$ baki dalam masalah '*Umarriyyatain/Gharrawain* iaitu jika si mati meninggalkan tiga orang waris dalam dua keadaan berikut, yang pertama, ibu, bapa dan suami *dan* yang kedua, ibu, bapa dan isteri.

[41] Masalah '*Umarriyyatain* adalah salah satu daripada masalah khusus dalam ilmu faraid dan ia dinamakan sempena dengan keputusan yang telah diambil oleh Sayidina 'Umar (ra), dalam kes berikut iaitu ketika si mati meninggalkan ibu, bapa dan salah seorang daripada suami atau isteri. Ibu akan mendapat $1/3$ daripada baki setelah diberi bahagian suami atau isteri. Masalah ini juga dikenali dengan nama *Gharrawain* yang bererti dua yang terang iaitu sebagai gambaran tentang jelas dan masyhurnya masalah ini sehingga diterima pakai oleh *jumhur ulama*.

[42] Oleh itu, ibu kepada si mati yang bernama Halimah bt Daud, KP: 720216-11-5428 mengambil ketetapan bahagian yang pertama dalam perwarisan pusaka ibu iaitu mendapat $1/6$ dari harta peninggalan si mati kerana si mati meninggalkan lebih daripada seorang saudara, sama ada saudara seibu seberapa, seberapa atau seibu atau campuran saudara-saudara tersebut. Sama

A

B

C

D

E

F

G

H

I

- A ada saudara tersebut mewarisi pusaka atau tidak.

H. Isu keempat yang menjadi soal

- B [43] Setelah isu bahagian atau kadar yang diperolehi oleh setiap ahli waris yang berhak telah dikenal pasti, bagaimakah cara pengiraan tersebut dibuat?

[44] Dalam *ilmu faraidh, ulama'-ulama'* telah menerangkan dalam kitab-kitab mereka kaedah atau sistem pengiraan ini dan ia dikenali sebagai

- C *tashih al-masail*. Cara pengiraan atau penyelesaian *tashih al-masail* iaitu penyelesaian masalah ini sangat penting dan diperlukan bagi seseorang yang mempelajari ilmu faraid. Untuk mengetahui asal masalah ini disebut dengan istilah *att'asil* atau pengetahuan untuk mengetahui asal masalah dengan mencari bilangan terkecil yang dapat dibahagi oleh tiap-tiap ahli waris tanpa bilangan pecahan. Untuk mengetahui asal masalah perlu dilihat ahli waris terlebih dahulu sama ada mereka semuanya dari golongan *asabah* sahaja, ataupun mereka semuanya dari golongan *ashabul al furud* atau golongan campuran antara *asabah* dan *ashabul al furud*.

- E [45] Dalam kes ini, si mati meninggalkan bapa dan ibu. Dalam kes ini, bapa mewarisi secara *asabah* iaitu baki selepas pembahagian bahagian-bahagian *fardh*. Ibu dalam kes ini mendapat *fardh* dengan mewarisi 1/6 harta si mati.

- F [46] Asal masalah dalam kes ini adalah enam, di mana ibu mendapat *fardh* 1/6 kerana si mati masih mempunyai lima orang saudara seibu sebapa. Manakala bapa mendapat 5/6 bahagian secara *asabah* kerana si mati tidak meninggalkan keturunan ke bawah sama ada lelaki atau perempuan, iaitu si mati tidak meninggalkan anak, cucu dan seterusnya.

G

[47] Jadual pengiraan faraid bagi kes ini adalah sebagaimana berikut:

			6
H	Bapa	Asabah	5/6
	Ibu	1/6	1/6
	3 SIB Lelaki	Gugur	0
	2 SIB Perempuan	Gugur	0

I

[48] Berdasarkan perkiraan di dalam permohonan ini, saya berpuas hati bahawa pusaka Mohd Faiz Izuddin bin Ruslam (KP: 930704-11-5449) si mati dibahagikan secara sekali gus kepada enam bahagian, yang mana orang-orang yang berhak mendapat bahagian dan kadar bahagian yang

diperolehinya masing-masing adalah seperti berikut:

- (a) Halimah bt Daud (KP: 720216-11-5428) dapat *1/6* bahagian daripada pusaka anak lelakinya Mohd Faiz Izuddin bin Ruslam, si mati.
- (b) Ruslam bin Hitam (KP: 690130-11-5385) dapat *5/6* bahagian daripada pusaka anak lelakinya Mohd Faiz Izuddin bin Ruslam, si mati.

Order accordingly.

A

B

C

Reported by Ashgar Ali Ali Mohamed

D

E

F

G

H

I